

# MANIFESTASI PENCIPTAAN PANTUN BERLAGU DALAM CERITA RAKYAT NEGERI PAHANG

*Manifestation of the Pantun Berlagu Formation in  
Pahang State Folklores*

**Nor Sahara Mesman**

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA  
\*e-mel: nor.sahara@pbmpu.upsi.edu.my

**Published:** 23 June 2022

**To cite this article (APA):** Mesman, N. S. (2022). Manifestasi Penciptaan Pantun Berlagu dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang . *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 27–34. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.4.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.4.2022>

## ABSTRAK

Makalah ini membincangkan berkaitan penciptaan pantun yang disampaikan secara berlagu menerusi cerita rakyat di Negeri Pahang. Pantun ini dicipta mengikut kreativiti penutur dengan menggabungkan unsur keindahan dan menonjolkan identiti penciptanya. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual dan rakaman untuk mendapatkan data. Data yang diperoleh akan dikategorikan mengikut perlambangan identiti masyarakat Melayu. Dari segi pemilihan tema berfokus kepada aspek keagamaan dan bermotif kepada objek, hari, serta alam. Rangkuman unsur keindahan ini diadun mengikut ciri-ciri pembayang dan maksud agar bertepatan dengan nasihat yang hendak disampaikan. Oleh itu, bagi menarik minat pendengar pantun ini didendangkan secara berlagu menggunakan rentak irama asli sama ada Dondang Sayang dan sebagainya. Berasaskan kepada Teori Pengkaedahan Melayu, kajian ini digarap dengan menggunakan pengkaedahan alamiah dan pendekatan dakwah serta pengkaedahan keagamaan melalui masyarakat dan seni. Hasil penelitian kajian mendapat masyarakat Melayu perlu berpegang teguh kepada ajaran agama untuk kehidupan yang lebih baik. Justeru, penciptaan pantun ini dijadikan sebagai medium penyampaian untuk mencerminkan manifestasi pemikiran dan kebijaksanaan bangsa Melayu.

**Kata kunci:** Pantun, Teori Pengkaedahan Melayu, Identiti, Cerita Rakyat, Negeri Pahang

## ABSTRACT

*This paper discusses the formation of pantun that are presented in songs through folklores in Pahang. These pantun were created according to the creativity of the speaker by combining elements of beauty and highlighting the identity of its creator. This qualitative study used interviews and recording methods to obtain its data. The data obtained were categorised based on the symbolism of the Malay community's identity. In terms of theme selection, it focused on religious aspects and motifs towards objects, days, as well as nature. The inclusion of this element of beauty was intermingled with the characteristics of the allusion and its meaning, to ensure it coincides with the advice to be conveyed. Therefore, to attract the listeners' interest, these pantun were sung in a form of a melody using the original rhythm, either Dondang Sayang or so on. Based on the Malay Methodology Theory, this study deals with the use of natural methodologies, da'wah approaches and also religious methodologies through its people and art. The results showed that the Malays must adhere to their religious teachings in order to lead a better life. Thus, the creation of these pantun was used as a portrayal medium to reflect the manifestation of thoughts and wisdom of the Malays.*

**Keywords:** Pantun, Malay Methodology Theory, Identity, Folklore, Pahang

## PENGENALAN

Pantun merupakan puisi yang membicarakan wadah pemikiran masyarakat Melayu dengan memasukkan elemen berunsurkan alam. Penciptaan pantun mencerminkan manifestasi kognitif kehidupan masyarakat Melayu secara menyeluruh. Dalam masyarakat Melayu, pantun ini dimiliki oleh pencipta yang mempunyai kreativiti dan boleh menggabungkan alam dengan aspek kehidupan. Gabungan ini akan menjadikan sesebuah pantun itu berkembang mengikut tujuan dan terdapat falsafah di sebalik penciptaannya. Hakikatnya pantun ini banyak menyentuh berkaitan kehidupan dan budaya yang mengelilingi masyarakat Melayu.

Pantun yang paling banyak dicipta dan digunakan berdasarkan kepada pantun empat kerat. Dalam proses penciptaan pantun terdapat dalam bentuk nasihat, sindiran, kasih sayang dan lain-lain lagi. Dalam konteks yang lebih luas lagi, pantun yang dicipta akan dijadikan penyeri dan menghidupkan suasana khususnya dalam sesebuah majlis. Kajian yang dilakukan oleh Nordiana Ab Jabar dan Nurul Ain Mohd Bukhari (2018) menghuraikan penggunaan unsur alam dalam pembayang pantun ini membuktikan alam flora bukan sahaja sekadar satu nikmat pandangan mata namun secara sinisnya ialah satu peringatan kepada masyarakat bahawa manusia dan alam saling perlu memerlukan. Pantun dapat merakam cara hidup dan aktiviti kehidupan dibayangkan dengan mengeksplorasi unsur-unsur alam yang melatari dan melingungi persekitaran setempat (Siti Hajar Che Man, 2013). Dari segi bentuk penyampaian pantun boleh menggunakan irama Dondang Sayang. Dendangan irama ini sudah lama diperkenalkan sejak anak dalam buaian lagi. Biasanya irama ini sinonim dengan pantun yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Melaka.

Bukan sahaja melagukan malahan kaum Chetti di Melaka menjadikan pantun sebahagian tradisi antaranya, *traditions of the Malay people, they also adapted these arts forms to become part of their own unique hybrid identities based on their worldviews and lived experiences within the Malay Peninsula or more famously known as the Golden Chersonese / Khersonese* (Airil Haimi Mohd Adnan & Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay, 2020).


Selain itu, kajian ini berfokus kepada pantun yang dilakukan dalam penceritaan rakyat di negeri Pahang. Cerita rakyat atau lebih dikenali sebagai rokyat oleh warga tempatan di negeri Pahang merupakan bentuk hiburan masyarakat dahulu. Cerita rakyat ini menjadi warisan turun-temurun supaya diketahui oleh generasi kini. Sewaktu cerita rakyat dipersembahkan, tukang cerita menyelitkan dengan pantun yang disampaikan secara berlagu. Kebiasaannya, cerita rakyat ini disampaikan pada waktu malam hari untuk melalaikan anak-anak sehingga mereka tertidur. Begitu juga dalam konteks pendengar yang ramai, pantun yang dicipta disampaikan secara berlagu mengikut ketukan alatan muzik semasa penceritaan berlangsung. Pantun yang disampaikan secara berlagu dapat menarik minat pendengar setelah penat bekerja pada sebelah siang.

Dalam kesenian melagukan pantun ini terselit pendekatan dakwah untuk mengajak pendengar berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Pendekatan ini mengingatkan kita kepada alam dunia dan akhirat supaya diseimbangkan dengan baik. Dari segi penyebaran maklumat pula, dengan adanya pembangunan dan kemudahan teknologi dapat menyebarluaskan maklumat penyelidikan berkaitan sastera lisan. Justeru, kajian terhadap unsur pantun ini diharap memberi manfaat dan dapat diperkembangkan serta diperturunkan kepada generasi kini pula.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif secara temu bual dan rakaman. Kutipan data diperoleh daripada kajian lapangan yang dijalankan di kawasan Bera dan Temerloh di Negeri Pahang. Seramai empat orang responden yang ditemu bual untuk mendapatkan data kajian. Dalam konteks pemilihan responden, kaedah yang digunakan secara teknik bola salji (*snow ball*), iaitu bertanya kepada informan untuk mendapatkan data daripada responden yang lain. Setelah responden bersedia untuk ditemui, kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan data. Kaedah temu bual ini mempunyai kekuatan berkaitan dengan pencarian responden yang lain, iaitu sumber daripada pertalian persaudaraan. Dengan cara ini akan memudahkan pengkaji dalam pencarian responden. Setelah data diperoleh, data akan diintegrasikan mengikut

Teori Pengkaedahan Melayu dengan melihat kesesuaian identiti yang mendasari penciptaan pantun. Perkara ini dapat dilihat gerak kerja pengumpulan data dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Pengumpulan Data Kajian

Selain itu, dalam membincangkan berkaitan data yang diperoleh, analisis dapatan juga dirujuk dari segi persamaan dan banding beza melalui jurnal, buku, tesis, dokumen yang berkaitan dengan kajian.

## TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori ini dikemukakan oleh Hashim Awang bermula pada tahun 1989 untuk membahaskan kelemahan teori yang ditulis oleh pengkaji barat berkaitan pengkajian mereka terhadap karya sastera Melayu. Kebanyakkan teori yang digunakan oleh pengkaji barat terdapat pincang dari segi penghuraian mengikut konteks sastera Melayu. Ini disebabkan bangsa Melayu lebih arif berkaitan kehalusan dalam penciptaan karya sastera berunsur kepada keindahan alam yang mengelilingi cara hidup dan budaya masyarakat Melayu. Keindahan ini menjadi cerminan masyarakat Melayu yang mempunyai keunikan dalam penciptaan karya sastera.

Oleh itu, pembinaan kerangka teori ini diperkemas pada tahun 2002 dengan membuat pembahagian kepada dua aspek, iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Dalam konteks pengkaedahan alamiah merujuk kepada kehidupan harian masyarakat Melayu yang berkait rapat dengan alam. Jenis pengkaedahan alamiah ini dibahagikan pula kepada tiga pendekatan, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Ketiga-tiga pendekatan ini mempunyai fungsi yang tertentu untuk mengimbangi perkara yang berkaitan pengalaman hidup serta pengajaran yang diperoleh termasuklah tafsiran daripada firasat masyarakat Melayu.

Selain itu, pembahagian kepada pengkaedahan keagamaan pula bersandar kepada al-Quran dan hadis. Pengkaedahan keagamaan ini memperlihatkan kehidupan yang memerlukan pegangan teguh kepada agama sebagai panduan. Pendekatan yang dibawa dalam pengkaedahan ini memperlihatkan kebesaran Allah melalui penciptaan karya sastera. Tiga pendekatan antaranya pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni yang dihuraikan untuk mempertingkatkan keimanan kepada Allah dengan menerapkan unsur keindahan menerusi karya sastera.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian kualitatif deskriptif ini diletakkan perincian dan dihuraikan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Setelah data diperoleh, pembahagian mengikut kategori identiti dijalankan untuk memahami dan mengenal pasti pantun mengikut perincian. Perkara ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

**Jadual 1 Perincian Identiti Mengikut Teori Pengkaedahan Melayu**

Bil.	Identiti	Perincian
1.	Identiti Keislaman	- Menyatakan kebenaran melalui al-Quran dan hadis
2.	Pembentukan Akhlak	- Aturan sikap dan sifat berlandaskan agama
3.	Medium Dakwah	- Pendekatan ajakan dan seruan kepada jalan Allah dengan cara berhikmah dan bijaksana
4.	Cerminan Kehidupan Masyarakat	- Mengikut peraturan kehidupan yang dicipta melalui masyarakat dan seni

Selain itu, data yang diperoleh menerusi rakaman dan temu bual dideskripsi untuk memudahkan pantun proses mengkategori pantun mengikut identiti. Jadual 2 menunjukkan data pantun dimasukkan mengikut identiti.

**Jadual 2 Pantun Mengikut Identiti**

Identiti	Pantun
Identiti Keislaman	<p>Malam ini malam khamis  <u>Esoklah hari malam jumaat</u>  <u>Segala Islam habis menangis</u>  <u>Hendak berjumpa Nabi Muhammad</u></p>
	<p>Malam ini malam ahad  <u>Esoklah hari malam isnin</u>  <u>Sudah Mengaji nabi isbat</u>  <u>Amal Islam boleh terjalin</u></p>
	<p>Malam ini malam jumaat  <u>esok hari malam sabtu</u>  <u>Hendak berjumpa Nabi Muhammad</u>  <u>Sembahyanglah dulu lima waktu</u></p>
	<p>Anak ayam turun empat  <u>Mati seekor tinggal tiga</u>  <u>Kerjakan olehmu janganlah lepas</u>  <u>Hendak menuju semuanya ke syurga</u></p>
	<p>Anak ayam turun dua  <u>Mati seekor tinggal satu</u>  <u>Disanalah tempat kita bersua</u>  <u>Hendak berjumpa Allah yang satu</u></p>
Pembentukan Akhlak	<p>Malam ini malam selasa  <u>Esok hari malam rabu</u>  <u>Minta ampun segala dosa</u>  <u>Pukul dan palu menjadi debu</u></p>
	<p>Malam ini malam sabtu  <u>Esok hari malam ahad</u>  <u>Lepas sembahyang lima waktu</u>  <u>Mengajilah pula nabi isbat</u></p>
	<p>Malam ini malam isnin  <u>Esoklah hari malam selasa</u>  <u>Segala Islam boleh beramal</u>  <u>Minta ampun segala dosa</u></p>
	<p>Anak ayam turun tujuh  <u>Mati seekor turun enam</u>  <u>Sembahyang kita jangan bertangguh</u>  <u>Jangan dinanti masa yang tenang</u></p>
	<p>Anak ayam turun lapan  <u>Mati seekor turun tujuh</u></p>

	Jangan dinanti masa hadapan <u>Sembahyanglah dulu jangan bertangguh</u>
Medium Dakwah	Malam ini malam Rabu Esoklah hari malam khamis Pukul dan palu menjadi debu <u>Segala Islam habis menangis</u>
	Anak ayam turun sepuluh Mati seekor turun Sembilan Bangun pagi sembahyang subuh <u>Mintak doa kepada Tuhan</u>
	Anak ayam turun enam Mati seekor tinggal lima Jangan dinanti masa yang tenang <u>Sembahyang itu tiang agama</u>
	Anak ayam turun tiga Mati seekor tinggal dua Hendak menuju ke pintu syurga <u>Disanalah tempat kita bersua</u>
Cerminan Kehidupan Masyarakat	Banyak daun perkara daun Daunlah sirih sebenar daun Banyak tahun perkara tahun Tahunlah alih sebenar tahun Anak ayam turun sembilan Mati seekor turun lapan Mohon doa kepada Tuhan <u>Jangan dinanti masa hadapan</u>
	Anak ayam turun lima Mati seekor tinggal empat Sembahyang itu tiang agama <u>Kerjakan olehmu jangan lepas</u>

## PERBINCANGAN

Pantun yang diciptakan banyak memberi fokus terhadap aspek keagamaan atas faktor usia dan kecenderungan pencipta untuk mendekatkan diri kepada Allah. Atas dasar rasa tanggungjawab dan keprihatinan pencipta pula menyampaikan kebaikan kepada pendengar merangkumi semua golongan sama ada tua mahupun yang muda. Dalam kajian yang dijalankan ini pantun dapat memberi kesan terhadap identiti dan jati diri bangsa Melayu. Perkara ini dapat dilihat menerusi kajian yang dilakukan oleh Nur Salihah Mohamad dan Salmah Jan Noor Muhammad (2019) *pantun is able to give implications in moulding the identity of the Malay community*. Dengan erti kata yang lain, pantun ini memberikan identiti khususnya dalam masyarakat menerusi seni yang disampaikan dengan cara pantun yang dilakukan.

### Identiti Keislaman

Agama Islam merupakan agama rasmi negara yang merujuk kepada bangsa Melayu berdasarkan kaum majoriti yang bermastautin di negara ini. Dilihat dari sudut sejarah, asal mula bertapak agama Islam di negara ini disebabkan pedagang Arab datang berdagang dan menyebarkan agama Islam. Dengan erti kata yang lain sewaktu berkomunikasi, perkataan arab menjadi pertambahan kosa kata bagi orang Melayu.

Dalam konteks kesenian pula, terdapat perkataan yang meminjam daripada Bahasa Arab untuk memberi perlambangan kepada perkara yang hendak disampaikan. Ini dapat dilihat dalam penciptaan pantun seperti berikut:

Malam ini malam ahad  
Esok hari malam isnin  
Sudah Mengaji nabi isbat  
Amal Islam boleh terjalin

Perkataan ‘isbat’ merujuk kepada ketetapan sifat berkaitan ajaran agama Islam. Perkataan ini berasal dari bahasa Arab yang memberi maksud ajaran yang telah ditetapkan dan perlu diikuti untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Dilihat pula dalam konteks penciptaan pantun berdasarkan pembayang, maksud dan pemakaian rima akhir. Unsur yang digunakan pada pembayang bermotif kepada hari dan masa. Maksud bersandarkan kepada identiti keislaman dalam data kajian dapat diuraikan seperti berikut:

1. ‘Hendak berjumpa Nabi Muhammad’ - menerangkan impian setiap umat untuk berjumpa nabi untuk mendapatkan syafaat di dunia dan akhirat.
2. ‘Amal Islam boleh terjalin’ - menerangkan berkaitan perhubungan atau pertalian persaudaraan seagama.
3. ‘Sembahyanglah dulu lima waktu’ - Sembahyang merupakan tiang bagi agama dan wajib disempurnakan sebanyak lima waktu setiap hari.
4. ‘Hendak menuju semuanya ke syurga’ - Menjelaskan impian setiap yang bernyawa untuk memasuki alam syurga apabila berada dinegeri abadi nanti.
5. ‘Hendak berjumpa Allah yang satu’ - menjelaskan bahawa semua manusia akan berada pada hari perhitungan dan diberi peluang untuk berjumpa dengan Allah berdasarkan amalan yang dilakukan di atas dunia.

Berdasarkan maksud pantun di atas, menunjukkan bahawa identiti keislaman dalam penciptaan pantun jelas kelihatan. Perkataan ‘Islam’, ‘Allah’, ‘Nabi Muhammad’, ‘syurga’ dan ‘sembahyang’ berkaitan dengan perlambangan agama Islam.

### **Pembentukan Akhlak**

Akhlik boleh dirujuk kepada perlakuan atau budi pekerti yang boleh didasari menerusi peneguhan kepada agama. Agama dapat menjadikan individu bersikap lebih baik jika mengamalkan cara hidup berlandaskan al-Quran dan hadis. Selain itu, pantun yang terakam di dalamnya tunjuk ajar, atau nasihat dan berkaitan tentang cara hidup beragama, bermasyarakat, dan berkeluarga (Norazimah Zakaria, et al., 2017). Berdasarkan pantun yang dikaji, pembentukan akhlak masyarakat Melayu dapat dilihat dalam maksud baris pantun seperti berikut:

1. ‘Pukul dan palu menjadi debu’ - Menjelaskan bahawa pembalasan pada hari akhirat berkaitan amalan yang lakukan di atas dunia adalah benar dan kita sebagai hamba perlu memohon keampunan daripada Allah.
2. ‘Mengajilah pula nabi isbat’ - menerangkan antara perkara yang boleh dilakukan selepas sembahyang adalah membaca Al-Quran.
3. ‘Minta ampun segala dosa’ - menjelaskan kepada pendengar perkara yang berkaitan dengan taubat.
4. ‘Jangan dinanti masa yang tenang’ - menerangkan bahawa sembahyang perlu dikerjakan pada awal waktu seperti yang diajarkan dalam ajaran agama Islam.
5. ‘Sembahyanglah dulu jangan bertangguh’ - menjelaskan sembahyang atau solat pada awal waktu menunjukkan akhlak yang tidak menanggung urusan akhirat.

Dalam ajaran agama Islam akhlak yang baik dapat memberi pengajaran dan pedoman serta ikutan terhadap kaum yang lain. Gambaran akhlak ini diuraikan dalam kajian oleh Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohammad (2018) bahawa kesenian menjadi suatu wadah ke arah pembentukan nilai dan peribadi yang baik kerana seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan mempunyai hubung kait dengan moral.

## Medium Dakwah

Penyampaian dakwah dalam bentuk kesenian amat disukai oleh masyarakat pelbagai golongan sama ada tua maupun muda. Perkara utama dalam pelaksanaan dakwah adalah untuk menyampaikan kebaikan dan manfaat untuk mendapat keredaan Allah. Pendekatan dakwah ini boleh dicirikan kepada tiga peranan antaranya penyaksian terhadap keesaan Allah, menerima ajaran Islam dalam kehidupan dan peringatan kepada yang mengingkarinya.

Dakwah pada asas boleh menggunakan pelbagai medium untuk mengajarkan manusia berkaitan perkara kebaikan. Salah satu caranya dengan menyelitkan unsur kesenian. Berdasarkan kepada data yang diperoleh pantun yang dilakukan ini dapat dijadikan medium dakwah menerusi penyampaian cerita rakyat dan boleh dilihat seperti maksud pantun berikut:

1. ‘Segala Islam habis menangis’ - menerangkan setiap umat manusia akan melalui hari pembalasan dan penyampaian kepada umat telah disampaikan seperti dalam al-Quran dan hadis.
2. ‘Mintak doa kepada Tuhan’ - menjelaskan kepada kita bahawa untuk meminta bantuan serta pertolongan Allah boleh dilakukan dengan cara solat dan berdoa.
3. ‘Sembahyang itu tiang agama’ - Menerangkan kepada kita berkaitan kepentingan sembahyang dalam kehidupan.
4. ‘Disanalah tempat kita bersua’ - menjelaskan kepada kita berkaitan alam akhirat yang abadi.

Di samping itu, medium kesenian dengan menggunakan pantun yang disampaikan secara berlagu ini dapat memberi mesej berguna kepada semua. Cara ini jika dilihat sama kaedahnya dengan kesenian dalam bentuk lagu nasyid. Oleh itu, nilai-nilai estetika yang terdapat dalam bentuk kesenian dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat. Bentuk dakwah ini juga boleh menerangkan tentang kebenaran hidup berpegang teguh kepada agama dijadikan media memberikan nasihat dan pengajaran.

## Cerminan Kehidupan Masyarakat

Pendekatan dakwah menerusi Teori Pengkaedahan Melayu memberi penekanan terhadap masyarakat dan seni. Ini merujuk kepada medan dakwah boleh digabungkan dengan kesenian kerana nilai-nilai estetika yang terdapat dalam penciptaan pantun mengandungi unsur keindahan. Ini dapat dilihat berdasarkan pandangan Zikmal Fuad (2015), unsur dakwah melalui seni muzik atau suara menjadi dakwah yang paling relevan hingga kini.

Dalam konteks kajian ini, kesenian dengan cara penciptaan pantun ini sememangnya sinonim dengan kehidupan dan budaya masyarakat Melayu. Pantun yang dicipta akan melihat keindahan alam dan persekitaran yang melingkari masyarakat Melayu. Begitu juga dengan pandangan Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) berkaitan pemikiran Melayu amat terpengaruh oleh alam sekeliling, iaitu alam, fauna dan alam flora. Dilihat dari segi penuturnya maksud yang disusun walaupun untuk tujuan hiburan tetapi diselitkan dengan pendekatan dakwah seperti dalam maksud baris pantun berikut:

1. ‘Tahunlah alih sebenar tahun’- Menerangkan kepada pendengar bahawa kehidupan yang singkat dan berganti tahun agar semua dapat mengingat hari pengakhir.
2. ‘Jangan dinanti masa hadapan’- Menjelaskan perihal sesuatu yang ingin dikerjakan perlu dilakukan dengan segera terutama berkaitan dengan perihal agama.
3. ‘Kerjakan olehmu jangan lepas’- Menerangkan kepada semua perkara berkaitan dengan perintah ibadah yang perlu dilaksanakan oleh hamba-Nya.

Berdasarkan huraiyan maksud baris pantun di atas, pemilihan bait-bait perkataan yang dicipta mengajak pendengar supaya menjadikan agama sebagai pegangan. Pegangan yang dibawakan ini bukan sahaja bersifat individu tetapi melibatkan masyarakat sekeliling. Elemen kesenian ini menimbulkan sifat suka

kepada orang yang mendengarnya. Selaras dengan dakwah yang disampaikan dengan cara gabungan pantun dengan elemen kesenian memudahkan penerimaan masyarakat secara umumnya.

## PENUTUP

Penciptaan karya sastera menerusi pantun ini memberi manfaat kepada pendengar untuk mendekatkan diri kepada Allah. Penyampaian pantun dalam bentuk dilagukan ini dapat menarik minat dengan nilai-nilai estetika yang didendangkan. Melalui pantun terpancar budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak mengkritik secara berterus terang tetapi secara halus. Walaupun penyampaian pantun dalam bentuk seni, pendekatan untuk menyampaikan dakwah boleh dilakukan. Justeru, pendekatan dakwah menerusi pantun ini memberikan pengajaran dan pedoman kepada semua untuk kembali kepada-Nya.

## RUJUKAN

- Airil Haimi Mohd Adnan & Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay. (2020). The Malay Language ‘Pantun’ of Melaka Chetti Indians in Malaysia: Malay Worldview, Lived Experiences and Hybrid Identity. *International Journal of Comparative Literature and Translation Studies*. 8. 15-21. Doi. 10.7575/aiac.ijclts.v.8n.2p.15.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Mohd Asri Che Ibrahim & Shukeri Mohamad. (2018). Pelaksanaan dasar kesenian di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: Analisis menurut siasah syar‘Iyyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17, 24-40.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/9964/1/16184-45371-1-SM.pdf>.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib , Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin , Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alauuddin Sulaiman Shah*, 4(2), 89-97.
- Nordiana Ab Jabar & Nurul Ain Mohd Bukhari. (2018). Hubung Kait Pembayang dan Maksud Pantun Pak Nazel dari Perspektif Ekologi. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6, 171-189.
- Nur Salihah Mohamad & Salmah Jan Noor Muhammad. (2019). The Implications of Pantun in Moulding the Identity of the Malay Community. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 1113–1120. DOI: 10.6007/IJARBSS/v9-i5/6799.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1),75 – 81. Diperoleh daripada [http://journalarticle.ukm.my/6395/1/IMAN1\\_6.pdf](http://journalarticle.ukm.my/6395/1/IMAN1_6.pdf).
- Zikmal Fuad. (2015). Pendekatan Dakwah Melalui Seni oleh Shaykh Muim Al-Wahhab. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 1-19.